

Teori Wakaf, Kepelbagaian dan Contoh Amalan di Malaysia

(*Theory, Diversity and Practices of Waqf in Malaysia*)

MOHD. ALI MUHAMAD DON*

ABSTRAK

Wakaf merupakan ibadat berbentuk kehartaan bertujuan untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT. Namun begitu belum ramai yang menyedari kepentingan wakaf sekali gus menyebabkan dana wakaf gagal memainkan peranan signifikan kepada pembangunan ummah. Justeru penulisan ini ingin menjelaskan teori wakaf serta kepentingannya dalam Islam. Penulis juga menjelaskan mengenai hikmah kepelbagaian wakaf bagi mencerminkan nilai keunikan wakaf dalam Islam. Akhirnya Penulis mengetengahkan beberapa contoh pelaksanaan wakaf sebagai model amalan wakaf kontemporari yang diperkenalkan di Malaysia. Bagi mencapai objektif ini Penulis melakukan kajian keperpustakaan bagi mendapatkan maklumat terperinci daripada sumber yang sahih lagi autentik. Dapatkan kajian di analisa dan dibuat perbandingan kemudian dilaporkan dalam bentuk penulisan kertas kerja untuk memudahkan pembacaan. Hasil kajian menunjukkan wakaf suatu ibadat yang murni diperkenalkan oleh Islam mendahului masa pengenalan skim endowment dan philanthropi di Barat. Namun begitu masih banyak yang perlu dilakukan agar umat Islam benar-benar memahami hukum-hakam wakaf dan menyedari keperluan untuk berwakaf sebagaimana yang dianjurkan dalam Islam. Diharapkan penulisan ini berjaya mencapai matlamat untuk melahirkan masyarakat celik wakaf dan menyumbangkan lebih banyak dana untuk keperluan ummah sepanjang zaman.

Kata kunci: Teori wakaf; kepelbagaian wakaf; hikmah wakaf; Malaysia

ABSTRACT

Waqf is a form of ibadah that aims to bring closer to Allah SWT. However, not many are aware of the importance of waqf, thus waqf funds fail to play a significant role in the development of the ummah. Hence, this paper is intended to explain the theory of waqf and its importance in Islam. The author also wishes to explain the waqf diversity wisdom to reflect the value of the uniqueness of waqf in Islam. Finally, it seeks to introduce about several contemporary waqf practices in Malaysia. In order to achieve this objective, the author conducts a library research to obtain detailed information from an authentic and right source. The study shows that waqf is a pure practice introduced by Islam far ahead of the endowment and philanthropy practice of the West. Yet there is still much to do so that today's Muslims understand the laws of waqf and realize the need for waqf as it is recommended in Islam. It is hoped that this writing will achieve the goal of creating a "waqf literate" community who will donate more funds for the needs of the ummah throughout the times.

Keywords: Theory of waqf; diversity of waqf; the wisdom of waqf; Malaysia

PENDAHULUAN

Masyarakat Islam terdahulu berlumba-lumba untuk berwakaf bagi meraih ganjaran berterusan hingga hari kiamat. Ia diamalkan terus menerus hingga ke hari ini bagi mencontohi sunah Nabi Muhammad SAW yang pernah mewakafkan harta peninggalan Mukahiriq yang terkorban dalam Peperangan Uhud. Walau bagaimanapun pada peringkat awal tidak terdapat pembahagian dan jenis-jenis wakaf yang diamalkan seperti hari ini. Pelaksanaannya berbentuk *simple* bertujuan mendekatkan diri kepada Allah SWT tanpa tujuan dunia.

Seiring dengan keperluan semasa wakaf bukan sahaja untuk tujuan ibadah tetapi bagi memenuhi keperluan ummah sejagat. Malah terdapat kalangan pewakaf mengkhususkan sumbangan untuk tujuan tertentu menurut kemahuan mereka. Implikasinya terbahagilah wakaf kepada wakaf am dan wakaf khas bersandarkan kepada niat pewakaf.

Dalam penulisan ini disebutkan mengenai teori wakaf, jenis-jenis wakaf serta tujuan pengenalannya. Selain dibincangkan juga mengenai hikmah amalan berwakaf dan keistimewaananya berbanding amalan filantropi Islam yang lain.

DEFINISI WAKAF

Di sudut bahasa perkataan wakaf diambil dari pada kata dasar perkataan Arab iaitu **وقف ووقفاً** yang merujuk kepada beberapa pengertian antaranya berdiri, berdiri tegak, tetap yakni diam dan tidak bergerak-gerak (Ibn Manzur 1990). Dalam bentuk jamak disebut dengan **وقفاتٍ** atau **أوقاف** (al-Basriy 1994). Oleh itu menurut al-Maziniy penggunaan perkataan dalam bentuk *mufrad/singular* tidak tepat di sisi Bahasa Arab (Abdul Mawjud 1991).

Perkataan lain yang merujuk kepada wakaf ialah **الحبس** dengan huruf ha berbaris atas dan ba' sukun yang bermaksud berhenti. Dikatakan **وقفت الدابة اذا حبسها** bermaksud saya mewakafkan tunggangan apabila saya memberhentikannya. Pula bermaksud mewakafkan sesuatu yakni tidak boleh dijual beli, tidak boleh diwarisi hanya keuntungan dan manfaatnya sahaja yang dimiliki (Abdul Mawjud 1994; al-Tarabilisy 1902; al-Ayid 1989).

Istilah **حباوس** (*habous*) digunakan dengan meluas di Iran dan Afrika Utara dan penggunaannya dibenarkan oleh Ibnu al-Athir (Cizaka 1998; Awidah 1997). Malah istilah ini sudah masyhur digunakan sejak zaman Nabi Muhammad SAW yang pernah berkata kepada Sayyidina Umar **ان شئت حبست أصلها وتصدقت بها** yang bermaksud "jika engkau berkehendak tahanlah asal dan engkau bersedekah dengannya". (*al-Shawkaniy, Nail al-Awtār Syarh Mutaqā al-Akhyār li al-Imām al-Syawkaniy, Kitab al-Waqf*, hadis No. 2505).

Terdapat beberapa istilah lain yang diketengahkan oleh para ulama bagi merujuk kepada wakaf antaranya al-Imam al-Mawardiy (Al-Sabābiyy t.th.) yang menamakan sebagai **الصدقة المحرمات** (sedekah untuk pemilikan) Imam al-Syafi'iyy, menamakan sebagai **الصدقة الموقوفة** (sedekah yang mengharamkan) selain ada yang menamakan sebagai **الصدقة الدائمة** (sedekah yang terhenti) (**الصدقة الحبس**) dan (**الصدقة المواقف**) (sedekah yang diwakafkan) dan (**الصدقة الديمومة**) (sedekah yang berpanjangan). Kepelbagaiannya yang dikemukakan oleh para ulama tidaklah menunjukkan perbezaan yang ketara dari sudut istilah penggunaan kerana majoriti ulama beranggapan bahawa wakaf ialah sedekah, cuma terdapat sebahagian ulama yang mengatakan wakaf adalah kontrak ke atas pemilikan manfaat manakala yang lain berpendapat ia merupakan sedekah yang mengharamkan pemilikan ke atas *wāqif*.

Dari sudut istilah al-Imam Abu Hanifah yang mengatakan wakaf adalah menahan harta atas milik *wāqif* dan bersedekah dengan manfaatnya (Abdul Mun'im 2002). Muhammad dan Abu Yusuf daripada Mazhab Hanafi mengatakan, wakaf ialah menahan harta atas hukum milik

Allah Taala dan bersedekah dengan manfaat (al-Zarqa 1998). al-Asqalaniy menambah wakaf ialah mencegah menjual harta dan bersedekah dengan manfaat menurut kaedah yang tertentu (al-Hamdiy 2001).

Menurut al-Qalyubiy (t.th.) yang mewakili ulama Mazhab Syafi'iyy wakaf pada syarak ialah menahan harta yang boleh dimanfaatkan dengan mengekalkan zat untuk digunakan kepada tujuan yang diharuskan. al-Syarbiniy (Mu'awwad & Abdul Mawjud 1994) pula mendefinisikan sebagai menahan sesuatu harta atau barang yang boleh digunakan dengan mengekalkan bentuk fizikal asal dengan terputus hak pemilikan untuk perkara yang wujud lagi diharuskan. Menurut Ibnu Abidin (Abdul Mawjud & Mu'awwad 1994.) wakaf adalah menahan sesuatu benda dengan ketentuan *wāqif* dan digunakan untuk sesuatu yang bermanfaat. al-Qudha (2011) mengatakan definisi wakaf oleh ulama Hanbaliy (al-Maqdisiy 1342H) iaitu menahan asal dan mengagihkan manfaat lebih kuat dan lebih tepat bersandarkan perkataan Nabi Muhammad SAW kepada Sayyidina Umar ra. yang bermaksud “*tahanlah asal dan berikan manfaat*”. Menurut al-'Utsaimin perkataan Nabi SAW “*menahan asal*” bermaksud mengekalkan bentuk asal seperti rumah, pohon, tanah, dan kenderaan yang mencakupi harta alih dan harta tak alih (Abu Huzaifah 2009). Sedangkan “*memberikan manfaat*” bermaksud *wāqif* menahan barang tersebut dari pada sebarang bentuk pemilikan dan manfaatnya dalam bentuk sewaan diberikan kepada orang lain.

Selain itu terdapat definisi yang dikemukakan oleh ulama kontemporari seperti al-Sayyid Sabiq (1992) yang mendefinisikan wakaf sebagai menahan harta dan memberikan manfaat untuk kegunaan di jalan Allah. al-Kohijiy menambah hanya untuk tujuan-tujuan yang dibenarkan oleh syarak (Al-Ansariy 1982). Muhammad Bakar Ismail menyatakan wakaf ialah menahan harta benda berupa rumah atau tanah di jalan Allah untuk menginfakkan hasilnya bagi kegunaan para penuntut ilmu yang memerlukan (M. Yusuf Sinaga 2008).

Daripada perbincangan mengenai istilah wakaf didapati pendapat jumhur ulama lebih kuat berbanding pendapat Abu Hanifah yang mengatakan harta wakaf kekal menjadi milik pewakaf dan manfaatnya sahaja yang diagihkan. Sedangkan menurut jumhur kedudukan wakaf sebagai harta milik Allah buat selama-lamanya. Ini disokong oleh Abu Zahrah (H.M. Yusuf Sinaga 2007) dan al-Amin (1425H) yang mengatakan inilah definisi yang paling tepat di sisi fuqaha. Kesimpulannya, wakaf dalam Islam tidak menyimpang daripada tiga prinsip yang berikut;

- i. Prinsip kekal modal wakaf;
- ii. Prinsip keanjalan agihan manfaat; dan
- iii. Prinsip *taqqarub* kepada Allah SWT.

JENIS-JENIS WAKAF

Terdapat di kalangan sarjana Islam masa kini yang membahagikan wakaf kepada jenis-jenis yang tertentu. Pembahagian ini pula boleh jadi berbeza dari pada sebuah negara dengan sebuah negara yang lain. Di Mesir ia terbahagi kepada 2 jenis iaitu; wakaf khairy dan wakaf ahli, mana kala di Syria dan Iraq di bahagikan kepada tiga jenis iaitu wakaf zurri, wakaf khairy dan wakaf musytarak (al-Qudha 2011). Di Malaysia jenis wakaf terbahagi kepada wakaf khas dan wakaf am menurut manfaat dan kegunaan wakaf tersebut. Terdapat juga pengenalan pelbagai istilah wakaf kontemporari di bawah ruang lingkup wakaf am dan wakaf khas untuk menarik minat masyarakat berwakaf. Berikut dinyatakan jenis-jenis wakaf dan kegunaannya.

Wakaf Khairy

Wakaf yang diwujudkan untuk tujuan kebaikan. Wakaf ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu; wakaf khas dan wakaf am. Wakaf am merangkumi apa jua dedikasi wakaf yang dibuat untuk tujuan kebajikan atau khairat umum tanpa ditentukan sebarang benefisiari khusus (sama ada dari pada kalangan individu ataupun organisasi/institusi) ataupun tujuan-tujuan khusus yang tertentu. Secara umumnya jenis pewakafan ini boleh diaplikasikan kepada perkara-perkara atau tujuan-tujuan kebajikan umum yang dapat meningkatkan imej dan nilai ketinggian Islam dan masyarakatnya (Siti Mashitoh 2007). Di Malaysia ia diserahkan kepada Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) selaku Pemegang Amanah Tunggal Wakaf untuk maslahat ummah setempat.

Manakala wakaf khas ialah wakaf yang manfaatnya telah dikhusruskan oleh pewakaf untuk kegunaan tertentu seperti tanah perkuburan, masjid dan madrasah. Dalam konteks ini, pewakaf akan terlebih dahulu menentukan kepada siapakah wakaf itu dibuat atau untuk tujuan apakah wakaf itu mesti diaplikasikan (Siti Mashitoh 2007). Wakaf menurut kategori ini tidak boleh diubah kepada bentuk lain kerana niat pewakaf diibaratkan seperti nas syarak yang wajib dipatuhi. Walau bagaimanapun Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) selaku pemegang amanah boleh bertindak melakukan istibdal jika terdapat keperluan seperti tanah wakaf sedia ada tidak sesuai dibangunkan lalu di jual dan digantikan dengan harta tanah lain yang bernilai tinggi dan boleh dibangunkan.

Keunikan wakaf khairy ini terletak kepada jaminan sosial dan kemasyarakatan di kalangan komuniti Islam. Ia dikhusruskan untuk manfaat kebaikan yang bersifat umum untuk kemaslahatan ummah dalam memenuhi keperluan daruriyat yang dimestikan. Antaranya memelihara agama melalui pewakafan tanah atau bangunan masjid sepanjang zaman. Oleh sebab itu umat Islam di mana jua sangat mengambil berat akan tanggung jawab ini sehingga banyak harta tanah dan wang ringgit diwakafkan demi menjaga agama yang merupakan perkara daruriyat yang terpenting (al-Sarjaniy 2010).

Malah dalam konteks keperluan daruriyat menjaga akal dari pada dirosakkan oleh anasir-anasir luar yang menyebabkan penyelewengan akidah, keperluan berwakaf untuk bidang pendidikan didapati amat diperlukan. Oleh sebab itu para umara dan ulama sejak zaman berzaman sangat mengambil berat tentang perkara ini sehingga membawa kepada penubuhan banyak institusi pendidikan dengan pembiayaan wakaf.

Terdapat fatwa yang dikemukakan oleh ramai para ulama termasuklah al-Zarqaniy, al-Maqdisi dan al-Ahmadiy tentang hak para ulama, fuqaha dan para penuntut ilmu untuk mendapat agihan dari pada sumber wakaf sekalipun mereka terdiri dari pada kalangan orang berada. Ini kerana mereka telah mencurahkan sepenuh masa, tenaga dan buah fikiran untuk kebaikan ummah pada masa hadapan. Termasuk juga dalam kelompok ini sumbangan kepada para guru al-Quran yang tidak jemu-jemu mengajar manusia membaca dan mengenal ayat-ayat Allah SWT (Al-Moshaiqih t.th.).

Wakaf Zurriy

Wakaf zurriy juga dikenali sebagai wakaf ahli iaitu wakaf yang dikhusruskan untuk golongan tertentu sama ada keluarga sama ada keluarga pewakaf atau bukan. Namun menurut ulama Syafi”iy wakaf ini biasanya diuntukkan kepada keluarga dan waris mereka. Sehingga tampak keistimewaan wakaf kepada benefisiari wakaf yang dikhusruskan kepada kaum keluarga termasuk ayah ibu ke atas dan anak cucu ke bawah. Dalam hal ini pewakaf telah menyediakan bantuan dan agihan khusus kepada kalangan ahli waris agar mereka tidak dibebani dengan kemiskinan dan kepapaan di kemudian hari. Lebih unik lagi apabila ia berjaya memenuhi empat keperluan sekali gus, iaitu keperluan untuk diri sendiri, keperluan bertaqrub kepada

Allah SWT, keperluan bersilaturahim dan keperluan membantu sesama anggota keluarga (al-Sarjaniy 2010).

Walau bagaimanapun bagi mengelak perselisihan dan pertelingkahan mengenai kedudukan wakaf untuk anggota keluarga ini, pewakaf disarankan menyebutkan dengan jelas dalam hujjah wakaf yang dikhkusukan untuk keluarganya. Kegagalan berbuat demikian dibimbangkan menyebabkan perebutan harta dan pertukaran status wakaf yang menyebabkan jariah pewakaf tidak berterusan. Dengan sebab itu juga tujuan wakaf surriy untuk mempererat hubungan silaturahim sesama ahli keluarga tidak tercapai.

Wakaf Irsad

Wakaf irsad berasal dari pada dua perkataan Arab yang digabungkan iaitu وقف (qawf) dan اوصاد (ar-awṣād) yang merujuk kepada pewakafan harta dari pada pihak pemerintah dan juga dari pada badan-badan ataupun organisasi tertentu (al-Moshaiqih t.th.).

Pada asalnya wakaf jenis ini dilakukan oleh pemerintah yang bertindak mewakafkan harta-harta baitulmal sama ada harta alih ataupun tak alih. Sebagai contohnya pembinaan masjid-masjid, institusi pendidikan, hospital dan lainnya yang berkepentingan awam. Sehingga ada yang mengatakan bahawa ia bukannya wakaf kerana pemerintah mewakafkan harta milik awam yang disimpan dalam baitulmal sedangkan syarat wakaf mestilah datang dari harta milik sendiri (al-Zarqa' 1997).

Walau bagaimana pun dalam konteks ini pemerintah hanya memiliki kuasa untuk menentukan penggunaan harta-harta baitulmal bagi perbelanjaan benefisiari-benefisairi wakaf termasuklah apabila dana untuk membangunkan projek-projek wakaf sedia ada tidak mencukupi lalu ditampung dengan menggunakan peruntukan baitulmal (al-Zarqa' 1997).

Wakaf dalam konteks ini bertujuan untuk menghilangkan kesusahan dan kepayaan yang terpaksa ditanggung oleh manusia, sehingga segala usaha untuk mendatangkan kebaikan secara umum adalah digalakkan. Ini termasuklah pembinaan hospital, sekolah dan institusi pengajian tinggi yang dibiayai dengan dana wakaf daripada pihak pemerintah (al-Sarjaniy 2010)

Wakaf Musytarak

Wakaf musytarak atau wakaf bercampur, merujuk kepada harta yang diwakafkan sebahagiannya kepada ahli keluarga dan sebahagian yang lain untuk masyarakat umum. Contohnya wakaf tanah pertanian yang mana sebahagian dari pada hasilnya ditujukan untuk anak cucu sementara yang lainnya dimanfaatkan untuk tujuan umum.

Termasuk dalam konteks ini saham wakaf yang bertujuan mewujudkan suatu wakaf musytarak (berkelompok) melalui sumbangan yang diterima daripada masyarakat ke dalam satu tabung amanah wakaf yang mana akan ditukarkan kepada harta kekal yang dinamakan *badal* atau ganti wang. Penukaran ini dibuat dalam bentuk pembangunan harta tanah, pembangunan tanah wakaf sedia ada dan pelbagai aktiviti pembangunan sosioekonomi ummah sejagat (Asma 2019). Pelbagai lapisan masyarakat juga boleh berwakaf secara berkelompok melalui konsep ini dengan cara masing-masing menyumbang mengikut kemampuan sehingga aktiviti berwakaf dapat disemarakkan dalam kehidupan seharian.

KEPENTINGAN DAN TUJUAN WAKAF

Menurut al-Mosyaiqih (t.th.), wakaf mempunyai tujuan tertentu yang boleh dibahagikan kepada tujuan umum dan tujuan khusus. Tujuan umum dapat diperhatikan kepada perintah syarak untuk saling bantu membantu dan saling hormat menghormati satu dan lain. Hubungan yang kukuh terjalin itu digambarkan oleh baginda Nabi Muhammad SAW dalam riwayat yang bermaksud;

“Perumpamaan orang yang beriman itu di dalam saling cinta kasih dan belas kasihan seperti satu jasad. Apabila kepada sakit (pening kepala), maka seluruh tubuh tidak boleh tidur dan demam”. (Hadis Riwayat Muslim, Sahih Muslim, Kitab al-Bir, wa al-Silah wal-Adab, Bab Tarahum al-Mukminin wa Ta’atufihim wa ta’dudihim, Hadis No. 4691)

Tidak cukup dengan itu kaum Muslimin diuji pula dengan kesanggupan untuk menafkahkan harta ke jalan Allah dan menghulurkan pertolongan kepada yang memerlukan bagi membuktikan perasaan kasih sayang tersebut. Terdapat banyak sekali cara untuk merealisasikannya namun yang terpenting ialah dengan berwakaf.

Adapun tujuan yang khusus, bahwasanya wakaf memainkan peranan yang signifikan kepada memenuhi keperluan kehidupan yang tertentu. Antaranya wakaf diwujudkan untuk kepentingan agama yang termasuk dalam rangka kerja berbuat amal kebajikan demi memperoleh pahala dan keampunan dari pada dosa-dosa. Selain itu bagi memenuhi naluri semula jadi untuk menjaga harta dan mengelak dari pada digunakan kepada jalan yang batil dan pembaziran oleh ahli waris. Dalam masa yang sama kepentingan ahli keluarga juga terjamin dengan menyediakan bantuan penghidupan untuk masa depan. Wakaf turut menjaga kepentingan masyarakat yang ingin berbakti dengan menyediakan keperluan-keperluan awam yang diperlukan.

Menurut ‘Ikrimah (2008) pula tujuan umum pelaksanaan wakaf dapat dilihat pada enam aspek. Iaitu tujuan keagamaan semata-mata. Ia dapat diperhatikan kepada aktiviti pewakafan tanah dan bangunan untuk pembinaan masjid sebagai rumah ibadat. Malahan sumbangan dana wakaf dalam bentuk ini menjadi keutamaan masyarakat Islam sejak dahulu lagi. Hingga kini ribuan masjid dibina setiap tahun seiring dengan keperluan umat Islam akan tetapi hanya tiga buah masjid di dunia ini yang memiliki keistimewaan tersendiri berbanding masjid yang lain, iaitu Masjidil Haram di Mekah, Masjid al-Nabawiyi di Madinah dan Masjid al-Aqsa di Palestin. Berdasarkan sabdanya yang bermaksud;

“Tidak sepatutnya (bersusah payah) keluar belayar (untuk menziarahi mana-mana masjid) kecuali (pergi) ketiga-tiga buah masjid (yang berikut) : Masjidil Haram di Mekah, Masjid al-Rasul (Masjidi an-Nabawi di Madinah) dan Masjidil Aqsa di Palestin.” (Hadis riwayat Bukhari dlm. Sahih Bukhari, Kitab Fadl al-Salah fi Masjid Makkah wa al-Madinah, Bab Fadl Salah fi Masjid Makkah wa al-Madinah, Hadis No. 1189).

Kedua, tujuan pendidikan dan kebudayaan. Wakaf dalam bidang pendidikan termasuk perkara yang perlu dititik beratkan. Ribuan sekolah, madrasah, maahad tafsir dan universiti dibangunkan menggunakan dana wakaf tidak lain bertujuan untuk menyebarluaskan ilmu dan pengajaran al-Quran, ilmu ukhrawi dan dakwah menyeru manusia ke jalan yang kebenaran.

Ketiga, bantuan sosial dan kemasyarakatan. Ini dapat direalisasikan dengan menghulurkan bantuan berupa wang dan keperluan lain kepada golongan fakir dan miskin. Pembinaan rumah anak yatim, rumah orang tua, rumah kebajikan dan sebagainya termasuk dalam skop agihan dana wakaf yang menyeluruh untuk manfaat ummah setempat.

Keempat, kemudahan hospital dan rawatan kesihatan. Dalam konteks ini dana wakaf terkumpul dapat digunakan untuk membiayai kos pengurusan dan pembangunan hospital wakaf. Ini termasuklah pembayaran gaji para doktor, jururawat, pekerja hospital, pembelian

ubat-ubatan dan rawatan kepada pesakit. Di Malaysia, Hospital Waqaf An-Nur di Pasir Gudang merupakan hospital wakaf yang pertama diwujudkan dengan konsep wakaf kesihatan demi memberi khidmat kesihatan kepada golongan yang kurang berkemampuan dengan kadar bayaran yang minimum iaitu RM5 untuk rawatan dan ubat-ubatan di kendalian oleh Syarikat WANCorp iaitu anak syarikat milik Johor Corporation Berhad. Hospital ini mula beroperasi pada Bulan Ogos 2001 di atas tanah wakaf yang berkeluasan 14.88 ekar dan terletak bersebelahan Masjid Jamek Pasir Gudang.

Kelima, Kepentingan jihad dan ketenteraan. Wakaf untuk khairy untuk para pejuang fisabilillah juga diperlukan terutama di negara yang sedang bergejolak. Dana wakaf digunakan untuk membeli senjata, peluru dan peralatan peperangan di samping membina berek dan kem tentera di atas tanah wakaf yang strategik.

Keenam, Kepentingan haiwan seperti makanan burung dan kuda peperangan. Apabila diperhalusi rupa-rupanya manfaat wakaf tidak hanya kepada manusia semata-mata. Wakaf khairy untuk makanan burung-burung yang haram dibunuh selama-lamanya di Tanah Haram termasuk dalam keperluan ini. Dana wakaf turut digunakan untuk membeli makanan kuda-kuda perang yang dikhususkan untuk jihad *fisabilillah*. Monzer Khaf (1999) mengatakan terdapat juga wakaf untuk makanan kucing, wakaf untuk binatang yang tidak disukai di Syria, wakaf untuk makanan burung, wakaf untuk membantu jemaah haji ke Mekah, wakaf untuk membantu para gadis berkahwin dan banyak lagi (Khaf 1999)

Manakala tujuan khusus berwakaf dilihat kepada tujuan keagamaan yang membolehkan seseorang memperoleh pahala dan kebajikan yang berpanjangan walaupun setelah kematian pewakaf di samping menghapuskan dosa-dosa silam. Yang mana ia bertujuan untuk bertaqarub kepada Allah SWT melalui infak sebahagian harta yang dikurniakan semata-mata demi kerana Allah SWT.

Selain itu, tujuan kemasyarakatan yang melahirkan perasaan cinta untuk berbuat baik kepada manusia dan masyarakat umumnya. Antara lain direalisasikan dengan berwakaf sehingga manfaatnya berjaya dinikmati oleh seramai mungkin generasi manusia. Tujuan kekeluargaan iaitu melalui wakaf rumah atau tanah untuk kaum kerabat bagi memelihara mereka dari pada kemiskinan pada masa hadapan. Ia sekali gus dapat memelihara harta tersebut dari pada kehilangan. Tujuan kendiri di mana pewakaf berusaha untuk memelihara apa yang diwarisi dari pada ayah dan datuknya dengan cara berwakaf sehingga ia kekal di tangan keluarga buat selama-lamanya. Tidak dinafikan juga tujuan peribadi yang juga bersangkutan dengan pemilikan harta pusaka. Boleh jadi ada pasangan yang berkahwin dan tidak dikurniakan cahaya mata, lalu wakaf dapat mengelak harta si mati diwarisi oleh asabat di kalangan keluarganya. Begitu juga jika seseorang berpoligami maka boleh saja diwakafkan sebahagian hartanya untuk kepentingan satu dari pada isteri dan anak-anaknya tanpa menafikan hak isteri-isteri yang lain.

Siyad Faisal (2010) membahagikan tujuan wakaf kepada dua bahagian iaitu tujuan keagamaan dan tujuan kemanusiaan. Adapun tujuan keagamaan merujuk kepada matlamat wakaf iaitu untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT dan menggapai Syurganya. Selain itu memperoleh ganjaran yang berpanjangan kesan dari pada melaksanakan amal-amal yang baik dan berlaku ihsan kepada sesama manusia. Nabi Muhammad SAW bersabda maksudnya;

“Barang siapa yang mewakafkan seekor kuda pada jalan Allah SWT dan percaya dengan janji-janjinya maka makannya, kencingnya, najisnya dikira kebaikan pada timbangannya pada hari kiamat”. (Hadis riwayat al-Bukhariy dlm Sahih al-Bukhariy, Kitab al-Jihad wa al-Sair, Bab man ihtabasa farsan fi sabillillah, Hadis No. 2654).

Adapun tujuan kemanusiaan dilihat dalam konteks Islam sentiasa mementingkan kemaslahatan manusia dan menunjukkan mereka kepada jalan lurus yang dikehendaki. Ini seperti menetapkan peraturan kehidupan dengan kaedah yang bijaksana menerusi kaedah

membantu golongan memerlukan di samping memelihara kehidupan golongan yang tidak berpunya dan menghormati kehendak pewakaf. Wakaf juga dapat memastikan manfaat kehidupan, kemasyarakatan dan kebudayaan sentiasa berterusan dan berpanjangan menerusi wakaf masjid, al-Quran, kitab dan madrasah, wakaf hotel, hospital rumah orang tua dan lain-lain. Yang mana manfaatnya dapat dirasai oleh generasi keturunan selain menjamin masa depan kaum kerabat, anak-anak dan lainnya ketika mereka berhajat kepadanya. Lebih daripada itu pewakaf tentu sahaja berharap kepada ganjaran pahala berterusan sama ada ketika hidup ataupun setelah mati dengan niat untuk bertaqrub kepadanya SWT.

Pada sudut pandang yang lain tujuan wakaf dalam Islam tidak hanya terhad kepada membantu golongan memerlukan dan tujuan keagamaan sahaja, akan tetapi merangkumi tujuan kemasyarakatan yang sangat luas skopnya sehingga turut mencakupi keperluan ilmu, institusi pendidikan dan pelajar-pelajar pengajian Islam. Terdahulu terdapat wakaf untuk universiti penyelidikan dan institusi yang menyebarluaskan risalah Islam kepada manusia (al-Kabisi 1959).

KEISTIMEWAAN WAKAF

Menurut Abdul Ghafar (2009) wakaf mempunyai keunikan dan ciri-ciri keistimewaan yang tersendiri. Ini dapat diperhatikan pada konsep pemisahan antara hak pemilikan dan faedah penggunaannya. Ini kerana pewakafan harta menyebabkan kuasa pemilikan harta individu akan terhapus dari pada harta tersebut. Dalam hal ini wakaf secara prinsipnya adalah suatu kontrak yang berkekalan dan pewakaf tidak punya apa-apa hak lagi dalam pemilikan harta tersebut kecuali sebagai pengurus harta wakaf sahaja. Hak milik harta wakaf pada ketika itu berpindah secara majazinya kepada Allah SWT.

Lebih menarik wakaf merupakan sedekah yang berterusan. Ini bermakna bukan sahaja pewakaf mendapat pahala berterusan tetapi penerima turut mendapat faedah yang berpanjangan. Justeru itu pihak yang bergantung kepada pengagihan wakaf boleh merancang pengurusan kewangan institusinya dengan berkesan untuk jangka masa panjang. Di samping itu pihak pewakaf tidak perlu bimbang kemungkinan berlaku sabotaj seperti pengubahan status wakaf tanahnya oleh pihak pemerintah kerana terdapat kaedah fikah yang menyebutkan “Syarat pewakaf adalah seperti nas syarak”.

Penggunaan harta wakaf juga adalah untuk tujuan kebijakan dan perkara-perkara yang dibenarkan oleh syarak sahaja. Justeru itu pewakaf tidak diwajibkan untuk menentukan golongan tertentu yang berhak mendapat faedah atau manfaat daripada wakaf. Malahan memadai jika dikatakan “Saya wakafkan harta ini kerana Allah”, sehingga lafadz ijab yang seperti ini membolehkan pengembangan harta wakaf kepada pelbagai bentuk kontemporari selagi menepati objektif pewakafan harta di sisi syarak.

HIKMAH KEPELBAGAIAN WAKAF

Selain wakaf bertujuan untuk beribadah dan mendekatkan diri kepada Allah SWT, wakaf juga mempunyai hikmah dan keunikan tersendiri. Menurut al-Qudha (2011), wakaf membuka ruang yang seluas-luasnya untuk seseorang mendekatkan diri kepada Allah SWT sehingga individu terlibat beroleh ganjaran dan pahala yang setimpal daripadanya. Wakaf juga melahirkan hubungan ukhuwah dan persaudaraan atas tunjang akidah yang satu sehingga wujud usaha saling bantu-membantu memenuhi keperluan jamai’y yang dituntut. Allah SWT berfirman dengan maksud Nya; “*Sesungguhnya orang Mukmin itu adalah bersaudara*” (Surah al-Hujurat:10). Akhirnya wakaf memainkan peranan yang signifikan kepada pembangunan

ekonomi, kemasyarakatan, sektor pertanian dan perindustrian. Alangkah eloknya jika umat Islam mengguna pakai mekanisme ini demi kemaslahatan bersama.

Muhd. Fudail (2009) menambah, hikmah wakaf dapat diperhatikan kepada perolehan pahala berterusan untuk pewakaf sebagai thawab yakni ganjaran pahala berlipat kali ganda buat selama-lamanya. Selain itu wakaf juga adalah sarana yang membuka ruang dan peluang kepada pewakaf untuk beribadah dalam sebarang bentuk kebajikan yang disukai. Ini termasuklah dalam bidang perubatan, pendidikan, menyediakan perkhidmatan sosial dan kemasyarakatan yang berpanjangan kegunaannya. Oleh sebab itu juga wakaf tidak boleh dijual, dihibahkan mahupun diwarisi oleh sesiapapun. Ia kekal di bawah milik Allah SWT sepanjang zaman. Wakaf juga berpotensi menjadi sumber dana produktif yang boleh dikembangkan supaya manfaatnya terus dinikmati oleh golongan penerima manfaat wakaf.

AMALAN WAKAF KONTEMPORARI DI MALAYSIA

Dalam konteks masa kini, terdapat yang membahagikan wakaf kepada wakaf awam dan wakaf swasta atau persendirian. Adapun wakaf awam ialah wakaf untuk keperluan seluruh masyarakat ataupun sebahagian darinya seperti wakaf masjid, sekolah, rumah anak yatim, kajian saintifik, wakaf untuk golongan miskin dan memerlukan serta wakaf untuk pengembara. Manakala wakaf persendirian ialah wakaf yang manfaatnya dikhurasukan untuk individu atau golongan tertentu. Ia biasanya ditentukan untuk kaum kerabat sehingga turut dikenali sebagai wakaf keluarga (Khaf 1999).

Selain dari pada itu terdapat pula beberapa amalan wakaf kontemporari yang berpaksikan kepada amalan wakaf tunai yang telah diamalkan sejak dahulu lagi. Razali (2013) berpendapat wakaf tunai dianggap sangat *luwes*, mempunyai nilai kecairan yang tinggi, mudah diurus dan boleh menjangkau pelbagai lapisan masyarakat sehingga menjadikannya sangat popular dewasa ini.

Wakaf tunai bermaksud berwakaf dengan menggunakan perantaraan wang tunai yang dikumpulkan dalam sebuah tabung amanah yang ditadbir oleh nazir yang diamanahkan untuk mengurus wakaf ini bagi tujuan kebajikan dan manfaat ummah. Ulama silam telah menggunakan istilah wakaf *al-darahim* atau wakaf *al-dananir* iaitu wakaf menggunakan wang dirham atau dinar bagi merujuk amalan wakaf tunai pada masa dahulu.

Dengan kata lain wakaf tunai dianggap sebagai sumbangan berupa wang kertas bagi menggalakkan masyarakat Islam menyumbang dan membuat pelaburan sebagai sedekah jariah tanpa had kepada pelbagai saluran yang bersifat inovatif dan kreatif seperti wakaf kaki, wakaf saham, saham wakaf dan wakaf korporat (Razali 2013).

Di Malaysia, amalan wakaf tunai telah mula diamalkan oleh MAIN dan pihak swasta. Pihak MAIS misalnya telah memperkenalkan satu bentuk wakaf tunai yang dikenali sebagai skim saham wakaf. Menerusi konsep ini, MAIN akan bertindak sebagai pemegang amanah dan peserta perlu membeli saham-saham wakaf yang diterbitkan dan kemudian mewakafkannya semula. Wang sumbangan jualan saham tadi akan dikumpulkan di bawah satu tabung khas dan disalurkan kepada aktiviti berbentuk ekonomi, pendidikan, sosial dan program lain yang berbentuk umum, mengikut pilihan peserta. Sungguhpun begitu penggunaannya hanya terbatas kepada projek-projek tertentu sahaja dan tidak dikembangkan melalui instrumen-instrumen pelaburan moden akibat kekurangan kepakaran dan dana terkumpul.

Seiring dengan perkembangan ekonomi semasa, intitusi pendidikan tinggi di Malaysia mula memperkenalkan skim wakaf ilmu bagi menggalakkan masyarakat berwakaf secara tunai untuk membiayai keperluan pelajar dan kemudahan universiti. Ia juga bagi menampung keperluan kewangan universiti yang semakin bertambah setiap tahun. Antara yang terawal

memperkenalkan skim ini ialah Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Putra Malaysia.

Wakaf kaki ialah mewakafkan harta bagi tujuan kebajikan dengan cara pengurusan wakaf membeli keseluruhan harta dan pewakaf membayar harga mengikut sukatan tertentu yang dikehendakinya (Zulkifli 2012). Wakaf dalam bentuk ini diperkenalkan bagi tujuan memperbanyakkan harta tanah wakaf di saat nilai harta tanah masa kini yang melambung tinggi dan sukar untuk seseorang mewakafkan bidang tanah yang dimiliki. Wakaf kaki juga dikaitkan dengan kepada pembelian harta tanah mengikut ukuran atau kaki persegi dan kemudian diwakafkan semula berdasarkan saiz atau ukuran tertentu yang dibeli melalui pemegang amanah wakaf tersebut (Alias & Wan Suhairan 2017).

Ia turut dikenali sebagai wakaf lantai. Di mana Nazir wakaf atau pemegang amanah akan membeli keseluruhan harta tanah dan pewakaf akan membeli harta tanah berkenaan mengikut saiz/ kaki persegi dan kemudiannya mewakafkan kembali (Mohd Shah 2005). Skim ini dilaksanakan oleh pusat pendidikan mahupun institusi tertentu untuk mendapatkan pembiayaan dana bagi tujuan pembangunan. Sebagai contohnya di Terengganu, wakaf kaki diperkenalkan oleh *University College Bestari* (UCB) dengan kerjasama Pertubuhan Kebajikan Anak Yatim Malaysia (PEYATIM) dan Akademi Kulinari Terengganu di atas tanah wakaf milik Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) seluas 320 ekar. Pembangunan universiti ini berdasarkan konsep jualan tanah kampus untuk diwakafkan dan diuruskan oleh Yayasan Waqaf Pendidikan Anak Yatim atau Miskin Malaysia (YAWATIM) pada kadar RM30 bagi 0.1 meter persegi. Konsep jual dan wakaf ini didapati berjaya menyumbang pulangan lumayan kepada UCB yang sehingga kini berhasil mengumpulkan sekitar RM 6 juta daripada derma wakaf tersebut. Secara purata pihak YAWATIM berjaya mengumpulkan RM 500,000 hingga RM 600, 000 setiap bulan (Noraini t.th.).

Terdapat wakaf yang dikenali sebagai wakaf korporat. Ia diperkenalkan oleh Syarikat Johor Corporation Berhad (JCorp) pada 3 Ogos 2006. Melalui konsep wakaf korporat ini pihak JCorp telah mewakafkan sejumlah RM 200 juta saham milik JCorp di dalam anak syarikat tersenarai awam iaitu Kulim (M) Berhad berjumlah 12.35 juta saham, (bersamaan 4.68% terbitan ekuiti), Syarikat KPJ Healthcare Berhad berjumlah 18.60 juta unit saham (bersamaan 4.32%), Syarikat Johor Land Berhad berjumlah 4.32 juta unit saham (bersamaan 3.57%) (Laporan Tahunan Johor Corporation Berhad 2006). Ia dirangka untuk menyerlahkan peranan wakaf secara lebih kreatif dalam konteks bisnes dan dunia global masa kini, khususnya bagi mengurangkan kesan sampingan pergantungan terhadap ekonomi kapitalis yang berteraskan amalan riba'.

Ia juga merupakan satu bentuk Tanggungjawab Sosial Korporat Islam (TSK) yang bertujuan untuk mengintegrasikan hubungan antara bisnes dan tanggungjawab sosial kepada masyarakat. Keunikan TSK berasaskan wakaf ini membenarkan penglibatan seluruh lapisan masyarakat dalam menyumbang derma sama ada berupa wang tunai, perkakasan perubatan, ubat ubatan dan lain-lain yang diperlukan.

Konsep wakaf korporat ini juga merupakan satu mekanisme untuk memastikan manfaat daripada pemilikan saham yang dipindahkan kepada wakaf dibelanjakan semula untuk aktiviti kebajikan dan institusi keagamaan. Apabila diteliti wakaf korporat atau wakaf saham tidak mempunyai perbezaan ketara jika dibandingkan dengan bentuk atau amalan wakaf biasa, kerana ia masih tertakluk kepada rukun dan syarat yang telah ditetapkan oleh para ulama seperti seseorang mewakafkan tanah untuk masjid, tanah perkuburan dan lain-lain.

Cuma dalam konteks ini Johor Corporation (JCorp) sebagai syarikat induk telah melantik Wakaf An-Nur Corporation Berhad sebagai pengurus saham-saham anak syarikat yang telah diwakafkan. Wakaf An-Nur Corporation Berhad (WANCorp) akan kemudiannya mengagih-agihkan manfaat wakaf atau dividen saham yang diperolehi sama ada untuk dilaburkan semula atau untuk kebajikan bersama. Jika dilihat dari sudut jenis-jenis wakaf,

wakaf korporat yang dilaksanakan oleh JCorp dikategorikan sebagai wakaf khairiy yang dilaksanakan bagi memenuhi keperluan golongan kurang berkemampuan yang terdiri daripada anak yatim, orang kurang upaya, di samping manfaatnya turut disalurkan kepada pengurusan hospital, sekolah, masjid dan tempat-tempat awam (Hailani 1999).

Berasaskan pengalaman WANCorp, terdapat 8 syarat yang perlu dipatuhi oleh sebuah entiti sebelum ia layak dan diiktiraf melaksanakan amalan Waqaf Korporat. Antaranya:

- i. Waqaf Korporat ditubuhkan oleh pewakaf di bawah Akta Syarikat 1965.
- ii. Saham, sekuriti (tersenarai atau tidak tersenarai), atau tunai diwakafkan terus kepada institusi Waqaf Korporat dan saham-saham wakaf didaftarkan atas nama Waqaf Korporat;
- iii. Waqaf Korporat diiktiraf dan dilantik sebagai nazir khas atau mutawwali oleh MAIN;
- iv. Waqaf Korporat perlu menerajui bisnes entrepreneurial, menjana harta kekayaan dan menambah nilai;
- v. Hujjah wakaf atau Trust Deed menentukan bahagian majoriti untung atau lebihan dilabur semula. (Dalam kes WANCorp 70% keuntungan dilaburkan semula manakala 30% untuk manfaat kebajikan/fi sabilillah);
- vi. Waqaf Korporat berautonomi sepenuhnya dalam bisnes dan korporat di bawah pimpinan seorang CEO yang profesional dan diawasi oleh sebuah Lembaga Pengarah yang turut disertai oleh wakil MAIN;
- vii. Waqaf Korporat perlu membuka keahlian kepada awam menerusi pewakafan yuran ahli;
- viii. Waqaf Korporat menerima tatacara dan amalan governance korporat terbaik. (WANCorp menggunakan kaedah dan amalan PLC bertujuan menjamin ketelusan dan akauntabiliti).

Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) memperkenalkan skim wakaf seni yang mensasarkan golongan artis dan penggiat seni untuk turut serta menyumbangkan usaha seni mereka ke jalan yang direndai oleh Allah SWT. Melalui kaedah ini penulis lirik, pencipta lagu, penerbit filem, drama dan teater, syarikat produksi, artis yang bernaung di bawah Persatuan Seniman Malaysia dan ahli Persatuan Animasi Malaysia boleh menyumbangkan karya masing-masing untuk diwakafkan. Dengan cara ini golongan artis turut boleh beribadah dan bertaqarrub kepada Allah SWT dengan mewakafkan hasil karya mereka untuk ditukar kepada wang ringgit dan kemudian dijadikan asset kekal supaya memenuhi objektif pewakafan harta (www.wakafselangor.gov.my).

Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta di Malaysia juga mula memperkenalkan skim wakaf untuk pendidikan. Antara yang terawal memperkenalkan skim wakaf ialah Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) memperkenalkan konsep endowment fund di bawah pengurusan IIUM Endowment Fund (IEF). IEF dipertanggungjawabkan untuk mencari dana, mengurus, memberikan biasiswa dan melaburkan dana bagi menjana keuntungan. Di mana pengurusan IEF mengekalkan modal dengan membangunkan kompleks serba guna dan mahallah penginapan pelajar serta menjana pendapatan melalui aktiviti sewaan premis dan sebahagian keuntungan diagihkan sebagai biasiswa kepada pelajar mengikut niat penyumbang (www.iium.edu.my/division/ief).

UKM memperkenalkan konsep Wakaf Ilmu di bawah pengurusan Pejabat Yayasan Canselor (YC) UKM dan bertanggungjawab menerima sumbangan, menjana kewangan serta bekerjasama dengan Pusat Tanggungjawab (PTJ) lain bagi menjana dan menguruskan sumbangan wakaf. membantu menjaga kebajikan pelajar UKM khususnya serta keseluruhan warga UKM secara amnya. Dana Wakaf Ilmu UKM juga berfungsi untuk merancakkan program-program akademik, penyelidikan, jaringan industri dan mobiliti pelajar di UKM (www.ukm.my/yc/dana-wakaf-ilmu-ukm-dwiukm/). Universiti Putra Malaysia (UPM) juga memperkenalkan konsep Wakaf Ilmu untuk membiayai aktiviti akademik universiti dan

menyediakan biasiswa kepada pelajar di bawah seliaan Seksyen Pengurusan Dana Wakaf Ilmu Pejabat Bursa UPM dan kini ditukar kepada Pusat Pengurusan Zakat, Wakaf dan Endowmen UPM (WAZAN) (www.wazan.upm.edu.my). Benefisiari wakaf UPM adalah pelajar dan universiti. Antara yang mendapat manfaat pelajar tahun akhir yang membuat kajian mengenai wakaf diberikan bantuan sebanyak RM1000 seorang. Manfaat wakaf juga disalurkan untuk pembelian Naskhah al-Quran dan buku terpilih untuk diletakkan di masjid dan surau sekitar kampus juga di surau berdekatan universiti. Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) memperkenalkan Dana Wakaf al-Abrar untuk memberi peluang kepada warga universiti dan orang ramai berwakaf. Dana Wakaf tunai terkumpul dimanfaatkan untuk aktiviti dakwah, pendidikan, penyelidikan, penerbitan, kesihatan, pembangunan pendidikan dan kemudahan kesihatan.

Selain itu, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) memperkenalkan konsep Tabung Endowmen UTM di bawah pengurusan Unit Endowmen Pejabat Bendahari UTM bertujuan menyediakan pendidikan percuma kepada semua pelajar ijazah pertama menjelang tahun 2020. UTM turut memperkenalkan Dana Wakaf Tunai Pendidikan UTM bagi membantu aktiviti penjanaan dana berlandaskan konsep wakaf am melalui sumbangan berbentuk wang tunai dan harta. Ini bagi mencapai objektif menyediakan biasiswa kepada penerima manfaat terpilih selain sumber pilihan epada skim-skim bantuan kewangan yang lain. Ia juga bertujuan untuk menyediakan dana kepada pihak berkaitan bagi tujuan penyelidikan, konsultansi, pembangunan makmal, penyediaan tesis dan keperluan yang lain (wakaf.utm.my/tentang-kami/).

Universiti Malaysia Pahang (UMP) memperkenalkan konsep Tabung Amanah Endowment untuk mengumpulkan sumbangan/derma staf melalui potongan gaji dan sumbangan daripada pihak luar. UMP turut mewujudkan Tabung Wakaf bagi membantu menyediakan kemudahan tempat tinggal untuk pelajar selain inisiatif untuk menjana pendapatan sendiri. Antaranya pembinaan Kolej Kediaman Mawaddah sebagai tempat penginapan pelajar dari kalangan anak yatim atau asnaf yang dibangunkan dengan kos RM5 juta di Pekan, Pahang (mygift.ump.edu.my/index.php/en/wakaf-kolej-kediaman).

Universiti Malaysia Sabah (UMS) memperkenalkan Tabung Amanah Biasiswa pada tahun 2014 dan diuruskan oleh Seksyen Endowmen UMS antara lain bertujuan untuk mengumpul dana melalui sumbangan staf, alumni, wakaf korporat, sumbangan orang ramai, syarikat swasta dan kerajaan untuk memberi pendidikan percuma kepada pelajar memerlukan. Selain itu ditubuhkan juga Tabung Wakaf Tunai UMS untuk mengumpul dana melalui sumbangan wakaf daripada pelbagai pihak samada hartawan atau syarikat korporat secara sumbangan tunai dengan niat untuk berwakaf bagi membiayai pembangunan kemudahan di Universiti (www.ums.edu.my/cie/index.php/ms/perkhidmatan/endowmen).

Sementara IPTS juga tidak ketinggalan memperkenalkan wakaf sebagai sumber pendanaan dan pembiayaan pendidikan. Antaranya di Negeri Perak ditubuhkan Madrasah Idrisiah di atas tanah wakaf sumbangan Almarhum Sultan Idris Murshidul Aadzam Shah . Yang kedua ialah Kolej Universiti Islam Sultan Azlan Shah (KUISAS) didirikan di atas tanah wakaf seluas 100 ekar sumbangan Raja Dr Nazrin Shah. Di Perlis, Kolej Universiti Islam Perlis (KUIP) mengorak langkah untuk menjadi IPTI terkemuka di rantau ASEAN dengan pembiayaan wakaf. Melalui program yang dikenali Program Wakaf Pendidikan, KUIP bekerjasama dengan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs).

Direkodkan, KUIP kini mempunyai seramai 310 pelajar yang majoriti mendapat pembiayaan elauan sara hidup bulanan, kemudahan asrama dan pengangkutan bas percuma selain kadar yuran pengajian yang berpatutan . KUIP berjaya mendapat sumbangan wakaf daripada dalam dan luar negara. World Islamic Call Society (WICS) yang berpangkalan di Tripoli Libya misalnya menyumbangkan sebuah bangunan yang dinamakan sebagai sumbangan Wakaf WICS . Dua buah bank terkemuka yang berpangkalan di Bahrain dan

United Arab Emirates (UAE) turut menyatakan persetujuan untuk menyumbangkan dana bagi pembangunan KUIP termasuklah pemberian biasiswa khusus untuk pelajar Asia Tenggara. Bank tersebut iaitu First Gulf Bank membangunkan projek komersial di tanah wakaf MAIPs dengan keuntungan pelaburan disalurkan kepada KUIP.

Di Terengganu, University College Bestari (UCB) oleh Pertubuhan Kebajikan Anak Yatim Malaysia (PEYATIM) dan Akademi Kulinari Terengganu di atas tanah wakaf milik Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) seluas 320 ekar. Pembangunan universiti ini berdasarkan konsep jualan tanah kampus untuk diwakafkan dan diuruskan oleh Yayasan Waqaf Pendidikan Anak Yatim atau Miskin Malaysia (YAWATIM) pada kadar RM30 bagi 0.1 meter persegi. Konsep jual dan wakaf ini didapati berjaya menyumbang pulangan lumayan kepada UCB yang sehingga kini berhasil mengumpulkan sekitar RM 6 juta daripada derma wakaf tersebut. Secara purata pihak YAWATIM berjaya mengumpulkan RM 500,000 hingga RM 600, 000 setiap bulan . Keunikan skim wakaf UCB dapat diperhatikan kepada manfaat wakaf tersebut yang disalurkan terus kepada anak-anak yatim dan miskin. Iaitu dalam bentuk pembiayaan pendidikan, kos makanan dan penginapan secara percuma untuk belajar di UCB. UCB juga bekerjasama dengan POS Malaysia Berhad dan Bank Simpanan Nasional untuk memudahkan orang ramai menyalurkan sumbangan wakaf dalam bentuk wang tunai dengan pengecualian cukai Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).

Di Kedah, Maktab Mahmud yang didirikan atas sumbangan wakaf masyarakat tempatan atas tanah seluas 83 ekar pada 19 Jun 1936. Melalui sumber zakat dan wakaf, pengurusan maktab telah berjaya membiayai pengajian pelajar-pelajarnya ke Timur Tengah . Penubuhannya dilakukan oleh Tunku Mahmud Ibni Al-Marhum Sultan Ahmad Tajuddin Mukarramul Shah dan madrasah tersebut juga dikenali dengan al-Maahad al-Mahmud bersempena dengan nama baginda . Selain itu terdapat Kolej Islam Darul Ulum (KIDU) di Kuala Nerang yang dibangunkan berdasarkan sumbangan sedekah, zakat dan wakaf. Idea penubuhannya telah diilhamkan oleh Fadzil Noor berserta Azizan Razak dan Ali. Kompleks Pengajian KIDU terletak di atas tanah seluas 35 ekar yang dibeli dengan harga RM 600,000 pada tahun 1984. Usaha penubuhan kolej ini telah dijayakan menerusi konsep beli dan wakaf.

Di Selangor, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) di bawah pengurusan Majlis Agama Islam Selangor menubuhkan Bahagian Pengurusan Yayasan, Wakaf dan Zakat. Ia bagi menyelaras kutipan zakat dan sumbangan wakaf antara Yayasan KUIS, Lembaga Zakat Selangor dan Perbadanan Wakaf Selangor . Di Johor, kutipan dana wakaf untuk pendidikan digunakan bagi membiayai pembinaan Asrama Pelajar Johor di Mesir.

Terkini Majlis Agama Islam Johor melalui sumbangan Saham Wakaf Johor sedang giat mengusahakan dana untuk pembinaan asrama pelajar Johor di Jordan dengan anggaran kos sebanyak RM10 juta. Selain itu dana wakaf tunai juga pernah dimanfaatkan untuk pembinaan Asrama wakaf pelajar Johor di Mesir yang dirasmikan oleh DYMM Sultan Ibrahim Ibni al-Marhum Sultan Iskandar pada 17 April 2010 dengan kos projek sebanyak RM6 juta.

Selain itu sebuah universiti wakaf telah dibangunkan iaitu Universiti Antarabangsa al-Bukhary (AiU) diasaskan oleh Syed Mokhtar al-Bukhary di Alor Setar Kedah pada tahun 1996. Seramai 1447 pelajar telah ditaja melalui berasrama Yayasan Syed Mokhtar al-Bukhary merangkumi tempat tinggal, makan dan minum serta kos pembelajaran percuma berdasarkan konsep wakaf. Kewujudan institusi ini banyak merubah kehidupan golongan kurang berkemampuan bagi membiayai pengajian tinggi anak-anak dengan tajaan dana wakaf oleh Yayasan al-Bukhary.

KESIMPULAN

Kepelbagaiannya wakaf menampilkan nilai keistimewaan syariat Allah SWT yang bersifat *murunah* dan *al-tsabat* (tetap dan anjal). Dalam konteks wakaf, tujuan dan objektif wakaf untuk mengekalkan kedudukan harta terus dipelihara manakala manfaat keuntungan wakaf diagihkan kepada pelbagai lapangan yang diperlukan. Ia sekali gus menampung defisit pengagihan zakat yang khusus untuk lapan asnaf memerlukan di samping syarat-syarat tertentu yang ditetapkan oleh syarak. Justeru kepelbagaiannya jenis wakaf mempunyai hikmah dan keistimewaan tersendiri yang kini turut dicontohi oleh badan-badan kebaikan di seluruh dunia dengan istilah yang berbeza bagi mencari dana untuk kebaikan golongan memerlukan.

Walau bagaimanapun pihak pengurus dana wakaf diharap tidak mengambil kesempatan daripada sifat kedermawan masyarakat untuk menginfakkan harta ke jalan Allah SWT. Kemungkinan terdapat pihak yang menguruskan dana wakaf tanpa mempedulikan enakmen Negeri dan hukum syarak. Oleh itu, pihak-pihak yang ingin berwakaf disarankan berdaftar dengan MAIN bagi memastikan pengurusan dana awam tidak menyimpang daripada objektif yang sebenar. Malah kegagalan mendaftarkan wakaf di bawah MAIN menyebabkan aktiviti pemantauan tidak dapat dilaksanakan selain boleh menyebabkan niat pewakaf dan jariah mereka tidak kesampaian.

RUJUKAN

- Abdul Ghafar Ismail. 2009. Halatuju Pengurusan Zakat dan Wakaf di Malaysia. Makalah Undangan Di Muktamar Wakaf Dan Zakat, Kolej Universiti Insaniah. Alor Setar Kedah.
- Abdul Mawjud, Adil Ahmad & Mu'awwad, Ali Muhammad. pyn. 1994. Rad al-Mukhtār 'ala Durri al-Mukhtār Syarh Tanwīr al-Absār li Muhammad Amin al-Syahir bi Ibni Abidin, Jil. 6, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah. 518.
- Abdul Mun'im Khalil Ibrahim, pnyt. 2002. al-Dur al-Mukhtār li Muhammad bin Ali bin Muhammad bin Ali Abdul Rahman al-Hanafiy al Haskafiy. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah. 369.
- Abu Huzaifah. 2009. Panduan Wakaf, Hibah Dan Wasiat. Jakarta: Pustaka Imam al-Asy-Syafi'i. 6.
- Al-Amin, H. A. 1425H. 'Idarah wa Tasmīr Mumtalikah al-Awqāf. Arab Saudi: Al-Bank al-Islamiy li al-Tanmiyyah al Ma'had al-Islamiy li al-Buhūth wa al-Tadrīb.
- Al-Ansariy, Abdullah bin Ibrahim. pnyt. 1982. Zād al-Muhtāj bi Syarh al-Minhāj li Abdullah bin Hassan al-Hassan al-Kohijiy. Qatar: Syu'un al-Diniyyah bi Dawlah al-Qatar. 415.
- Al-Basriy, Abi al-Hassan Ali bin Muhammad bin Habib al-Mawardiy. Pysn. 1994. al-Hāwiy al-Kabīr fi al-Fiqh Madhab al-Imām al-Syāfi'iyy wa huwa Syarh Mukhtasar al-Muzni. Jil. 7. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah. 511.
- Al-Hamdiy, Abdul Kadir Syaibah. pnyt. 2001. Fath al-Bāriy bi Syarh Sahih al-Imām Abi 'Abdillah Muhammad bin Isma'il al-Bukhariy lil al-Imām al-Hāfiẓ Ahmad bin Hajar al-Asqalaniy. Jil. 5. al-Riyadh: Maktabah al-Malik Fahd al-Wataniyyah. 446.
- Alias bin Azhar & Wan Suhairan Binti Wan Ahmad. 2017. Penawaran Skim Wakaf Kaki: Kajian Kes Di Bahagian Wakaf Majlis Agama Islam Negeri Kedah. Journal Of Humanities, Language, Culture And Business (Hlcb) Vol. 1: No. 6 (December 2017) www.Icohlc.com. E-ISSN: 01268147.
- Al-Kabisi, Muhammad Abid. 1959. Ahkam al-Waqf fi al-Syariah al-Islamiyah. Baghdad: Matba'ah al-Irsyad.

- Al-Maqdisiy, al-Imam Muwafiq al-Din Abi Muhammad Abdullah bin Ahmad bin Muhammad bin Qudamah. 1342H. al-Mughni wa Yalihi al-Syarh al-Kabīr li Ibni Qudamah al-Maqdisiy. Jil. 6. Beirut: Dār al-Kitab al-‘Arabiyy. 185.
- Al-Moshaiqih, Khalid Ali bin Muhammad. Al-Awqāf Fi Al-Asr Al-Hadis Kaifa Nuwajjihuha Li Da’mi Al-Jamiāt Wa Tanmiyat Al-Mawardiha (Dirasah Fiqhiyah). www.Almoshaiqeh.islamlight.net.
- Al-Qalyubiy, Shihāb al-Din dan ‘Umairah. (t.th.), Qalyubi wa ‘Umairah. Kaherah: Dār Ihya al-Kutūb al-‘Arabiyy.
- Al-Qudha, Munzir Abdul Karim. 2011. Ahkām al-Waqf Dirāsah Qanuniyyah Fiqhiyyah Muqāranah Bainā al-Syarī‘ah wa al-Qanūn. Amman: Dār al-Thasaqāfah.
- Al-Syawkiyy. (t.th.). Nail al-Awtār Syarh Mutaqa al-Akhyār. Kaherah: Dār al-Hadis.
- Al-Tarabilisiy, Burhanuddin Ibrahim bin Mūsa bin Abi Bakar ibn Ali al-Hanafi. 1902. al-‘Isāf fi Ahkām al-Waqf, Mesir: Matba‘ah al-Hindiyyah. 3.
- Al-Zarqa, Mustafa Ahmad. 1998. Ahkām al-Waqf. Amman: Dār ‘Ammār.
- Arab League Educational, Cultural, and Scientific Organization. (1989). Mu‘jam al-‘Arabiyy al-Asāsiy. Larousse: al-Munazzamah al-Arabiyyah li-al-Tarbiyah wa al-Thasaqāfah wa al-‘Ulūm.
- Asmak Ab Rahman. 2009. Peranan Wakaf Dalam Pembangunan Ekonomi Umat Islam dan Aplikasinya di Malaysia. <https://www.researchgate.net/publication/282291720>.
- ‘Awidah, Abu Abd Rahman Salah bin Muhammad bin. pnyt. 1997. al-Nihāyah fi Gharīb al-Hadīs wa Al-Athār, al-Imam Majd al-din Abi al-Sa’adah al-Mubarak bin Muhammad ibn al-Athir al-Jazriyy. Beirut: Dār al-Kutub al-‘ilmīyyah. 188.
- H.M. Yusuf Sinaga, terj. 2007. Wakaf Menurut Agama dan Undang-undang oleh Muhammad Abu Zahrah. Selangor: Berlian Publication Sdn. Bhd. 55.
- Hailani Muji Tahir. 1999. Revenue And Fiscal Policy Of An Islamic State. Bangi: Fatha Publishers.
- Ibn Manzur, Muhammad Ibn Mukarram. 1990. Lisan al-‘Arab. Beirut: Dar Sadr.
- ‘Ikrimah Sa’id Sobri. 2008. Al-Waqf Al-Islamiy Bainā Al-Nazariyat Wa Al-Tatbiq. Jordan: Dar al-Nafais li al-Nasri wa al-Tawzi’.
- M. Yusuf Sinaga MA. et.al. terj. 2008. al-Fiqh al-Wādih Dr Muhammad Bakar Ismail. Selangor: Berlian Publication Sdn. Bhd. 157.
- Mohd Shah Firaizal bin Abu Bakar. 2005. Dana Wakaf MAINPP: Amalan dan Pelaksanaan. Dibentangkan di Seminar Dana Wakaf Peringkat Negeri Pulau Pinang.
- Monzer Khaf. 1999. *Towards The Revival of Awqaf: A New Fiqhi Issues to Reconsider*. Proceedings of the Third Harvard University Forum on Islamic Finance: Local Challenges, Global Opportunities.
- Mu‘awwad, Ali Muhammad dan Abdul Mawjud, ‘Adil Ahmad. pnyt. 1994. Mughni al-Muhtāj ila Ma‘rifah al-Ma‘āniy al-Minhāj. al-Syarbini, Shams al-Din bin Muhammad bin Muhammad al-Khātib. Jil. 3. Kitāb al-Wakālah. Beirut: Dār al-Kutub al-‘ilmīyyah.
- Muh. Fudhail Rahman. 2009. *Wakaf dalam Islam*. Al-Iqtishad: Vol. I, No. 1, Januari 2009. <https://media.neliti.com/media/>
- Murat Cizaka. 1998. *Awqaf In History And Its Implications For Modern Economies*. Islamic Economic Studies, Vol. 6, No. 1, November 1998.
- Noraini Jusoh. *Peyatim Sasar RM350 juta Skim Tanah Wakaf Pendidikan*. <http://teganukita.my/peyatim-sasar-rm350-juta-skim-tanah-wakaf-pendidikan>.
- Razali Othman. 2013. Institusi Wakaf Sejarah dan Amalan Masa Kini. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Mashitoh Mahamood dlm. *Pembentukan Dana Wakaf Menurut Perspektif Syariah Dan Undang-Undang Serta Aplikasinya Di Malaysia*, Jurnal Syariah, 15:2 (2007). 62.

- Siyad Faisal. 2010. *Dawr al-Waqfi Tamwil al-Jāmi'āt wa Da'mi al-Bahs al-'Ilmiy*. Mu'tamar Asar al-Waqf fi al-Nahdah al-Ilmiyah Jami'ah al-Syariqah, University of Sharjah UAE , 9-10 Mei 2010.
- Zulkifli bin Mohamad al-Bakri. 2012. Wakaf Dalam Islam. Kuala Lumpur: Bank Muamalat Malaysia Berhad.

MOHD. ALI MUHAMAD DON
Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS)
Universiti Teknologi Mara Cawangan Johor,
Kampus Pasir Gudang, 81750 Masai,
Johor, Malaysia

*Corresponding author: mohda264@uitm.edu.my